

# **KESEIMBANGAN ASPEK SPIRITAL DAN MATERIAL DALAM PEMBANGUNAN TAMADUN: TINJAUAN DARI PERSPEKTIF AYAT-AYAT AL-QURAN DAN SEJARAH**

*(The Balance of Spiritual and Material Aspects in the  
Development of Civilization: A Review from the  
Perspective of Qur'an Verses and History)*

Mansor Sulaiman,<sup>1</sup> Haryani Abdullah<sup>2</sup> & Muhamad Tasyrif Ghazali<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Kuantan, Pahang.

E-mel: mansor@umpsa.edu.my.

<sup>2</sup> Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Kuantan, Pahang.

E-mel: haryani@umpsa.edu.my.

<sup>3</sup> Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Kuantan, Pahang.

E-mel: tasyrif@umpsa.edu.my.

## **ABSTRAK**

Bab ini akan merungkai perbincangan berkenaan keperluan kepada keseimbangan aspek spiritual dan material dalam pembangunan tamadun menerusi perspektif al-Quran dan sejarah. Bagi mencapai objektif, bab ini akan mengemukakan beberapa nas al-Quran yang menjelaskan kepentingan keseimbangan kedua-dua aspek ini dalam pembangunan tamadun manusia secara spesifik dan juga nas-nas umum yang membawa kepada maksud yang sama. Bab ini juga akan membawa beberapa analisis yang telah dikemukakan oleh beberapa sarjana sejarah seperti Malek Bennabi dan Arnold Toynbee yang mengukuhkan perkara yang telah dijelaskan oleh al-Quran. Secara umumnya, bab ini bersandarkan kepada kajian kepustakaan sepenuhnya dengan rujukan kepada kitab-kitab tafsir

muktabar dan juga tulisan-tulisan sarjana dalam bidang tafsir dan sejarah. Rujukan-rujukan ini dianalisis berpandukan kepada objektif yang telah digariskan. Hasil kajian mencadangkan keperluan kepada kesimbangan antara pencapaian dalam aspek spiritual dan material ialah ramuan utama kepada pembangunan tamadun yang baik. Sebarang ketidakseimbangan antara kedua-dua aspek ini memberikan kesan yang sebaliknya kepada sesebuah tamadun. Ia diharapkan dapat menjadi panduan kepada setiap pihak yang terlibat dalam pembangunan tamadun khususnya negara Malaysia yang menekankan aspek “Malaysia Madani”.

**Kata kunci:** Tamadun, kesimbangan spiritual dan material, sejarah, tafsir, al-Quran

## ***ABSTRACT***

*This chapter will discuss the importance of achieving a balance between spiritual and material aspects in civilisation development from the perspective of the Quran and history. To achieve this objective, this chapter will present several Quranic verses that explain the significance of balancing both aspects in the specific context of human civilisation development, as well as general verses leading to the same meaning. It will also bring forth analyses provided by historical scholars such as Malek Bennabi and Arnold Toynbee, reinforcing the points elucidated by the Quran. Overall, this chapter is based on extensive library research, referring to reputable exegesis books and writings by scholars in the fields of exegesis and history. These references are analysed based on the outlined objectives. The results suggest that achieving a balance between spiritual and material aspects is a key ingredient for the development of a good civilisation. Any imbalance between these two aspects has adverse effects on a civilisation. It is hoped that this will serve as a guide for all parties involved in civilisation development, especially for Malaysia, emphasising the concept of ‘Malaysia Madani’.*

**Keywords:** Civilisation, spiritual and material balance, history, exegesis, Quran

## PENDAHULUAN

Keperluan terhadap keseimbangan di antara aspek spiritual dengan material banyak diperkatakan dalam pelbagai bidang. Antaranya, ia dibicarakan dalam bidang pembangunan insan, pendidikan, kepimpinan dan sebagainya. Penelitian penulis terhadap tulisan-tulisan berkaitan sejarah dan tamadun mendapati bahawa ia juga telah banyak dibincangkan tokoh-tokoh terdahulu seperti Ibnu Khaldun, Malek Bennabi, Arnold Toynbee dan ramai lagi. Sesetengah daripada tokoh-tokoh itu turut mengemukakan model atau teori yang menunjukkan berkenaan keperluan kepada keseimbangan ini dalam pembangunan tamadun berdasarkan pengamatan terhadap sejarah dan juga realiti zaman yang mereka berada. Oleh sebab itu, tulisan ini akan mengupas perbincangan berkenaan keperluan kepada keseimbangan antara aspek spiritual dan material ini dalam pembangunan tamadun daripada perspektif Islam menerusi penjelasan al-Quran. Tulisan ini juga turut membincangkan pandangan beberapa tokoh sejarah dan tamadun berkenaan perkara ini sebagai perbandingan dengan apa yang dijelaskan oleh al-Quran.

## METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan kaedah analisis dokumen sepenuhnya. Ia bersesuaian dengan objektif kajian ini yang merungkai perbincangan berkenaan keperluan terhadap keseimbangan antara aspek spiritual dan material dalam pembangunan tamadun menerusi perspektif al-Quran dan sejarah. Bagi mencapai objektif ini, penulisan dimulakan dengan penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tema yang difokuskan seperti ayat-ayat berkenaan keperluan keseimbangan aspek spiritual dan material, ayat-ayat berkenaan sejarah dan sebagainya. Seterusnya, ayat-ayat ini dikaji menerusi penelitian terhadap tafsiran-tafsiran daripada tulisan-tulisan yang muktabar dan diikuti dengan penelitian terhadap tulisan-tulisan daripada tokoh-tokoh sejarah dan pembangunan insan. Selanjutnya, dapatan daripada tulisan-tulisan ini akan dianalisis sesuai dengan objektif yang telah digariskan dan diikuti oleh kesimpulan di akhirnya.

## KAJIAN LITERATUR

Penulisan ini cuba menghuraikan dua aspek utama yang sangat berkaitan dengan manusia dan tamadunnya iaitu aspek spiritual dan material, terutama dari sudut kesannya kepada pembangunan tamadun itu sendiri. Huraian ini hasil daripada penelitian terhadap nas-nas al-Quran termasuk nas-nas berkenaan kisah-kisah sejarah di samping kupasan daripada penulis-penulis yang mengkaji sejarah perkembangan tamadun manusia. Untuk itu, bahagian literatur ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian, bermula dengan penjelasan berkenaan konsep spiritual dan material, kemudian diikuti perbincangan berkenaan nas-nas yang berkaitan dengan dua aspek ini dan kaitannya dengan pembangunan tamadun. Akhir sekali, dibincangkan juga berkenaan tulisan-tulisan berkaitan sejarah oleh tokoh-tokoh yang terlibat dan perkaitannya dengan dua aspek ini.

### ***Konsep Spiritual dan Material***

Spiritual dan material yang dimaksudkan dalam makalah ini merujuk kepada dua elemen yang berkaitan dengan manusia, iaitu aspek roh dan jasad. Elemen roh merujuk kepada kekuatan keimanan manakala elemen jasad pula merujuk kepada kekuatan kebendaan. Makna elemen spiritual dan material seperti ini antaranya boleh dilihat menerusi tulisan Roja (1994) dan Muhammad Othman Najati (1983). Roja (1994) berkata manusia terdiri daripada dua unsur, iaitu roh dan jasad. Kedua-duanya mewakili kekuatan tertentu yang diberikan kepada manusia sebagai bekalan melaksanakan tugas khalifah.

Pertama, jasad memberi kekuatan yang mengikatnya kepada kebendaan, syahwat, naluri dan perasaan yang menjurus ke arah dunia dan keseronokannya. Kedua, roh memberi kekuatan yang mengikatnya kepada Allah dan akan terus menguatkan ikatan tersebut. Antara perkara yang lahir daripada kekuatan yang kedua ini adalah seperti keinginan beragama, taqwa, berpegang kepada minhaj Allah dan sebagainya. Kewujudan kedua-dua sifat daripada roh dan jasad ini sering menimbulkan pertembungan antara kedua-duanya. Kadangkala penguasaan di pihak syahwat tubuh badan dan kadangkala penguasaan di pihak keinginan roh.

Pertembungan antara kedua-dua sifat ini telah dijelaskan dalam al-Quran, antaranya firman Allah yang bermaksud:

*“Adapun orang yang melampaui batas, dan lebih mengutamakan kehidupan dunia, maka sesungguhnya nerakalah tempat tinggal (nya). Dan adapun orang-orang yang takut akan kebesaran Tuhan-Nya dan menahan diri dari keinginan hawa nafsu-nya, maka sesungguhnya syurga-lah tempat tinggal (nya).”*  
(al-Quran; al-Naziat: 37-41)

Muhammad Othman Najati (1983) menyatakan bahawa nas ini menunjukkan bahawa di dalam diri manusia ada tabiat keinsanan yang bersedia untuk melakukan kebaikan dan keburukan. Kecenderungan manusia terhadap aspek keduniaan merujuk kepada unsur jasad itu sendiri. Manakala unsur roh yang merupakan unsur kedua dalam asal kejadian manusia menjadi pengimbang kepada keinginan jasad yang bersifat keduniaan tersebut agar tidak melampaui batasan. Pertembungan antara kedua-dua sifat ini merupakan ujian kepada manusia dalam kehidupan di dunia ini. Seseorang yang dapat menyeimbangkan antara dua unsur ini dalam dirinya dikira telah berjaya dalam mengharungi ujian tersebut. Al-Quran telah menjelaskan bagaimana untuk menangani pertembungan ini sepetimana dijelaskan dalam firman Allah yang bermaksud:

*“Dan jiwa serta penyempurnaan-nya (ciptaannya). Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaan. Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu. Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya.”*  
(al Quran; Surah al-Syams: 7-10)

Berdasarkan perbincangan di atas, penulis melihat bahawa unsur material atau jasad dalam diri manusia menjadikannya berkecenderungan untuk mendapatkan pencapaian aspek kebendaan sehingga terbangunnya tamadun yang terserlah dengan ketinggian aspek material itu sendiri. Manakala unsur spiritual atau roh pula menjadi pengimbang kepada diri manusia agar tidak bertuhankan kebendaan, sebaliknya menjadi manusia yang mempunyai panduan dalam berinteraksi dengan aspek material itu

sendiri. Tulisan ini juga mendefinisikan aspek spiritual ini sebagai merujuk kepada kekuatan keimanan manakala aspek material pula merujuk kepada kekuatan kebendaan.

### ***Nas-nas al-Quran Berkenaan Kepentingan Keseimbangan Aspek Spiritual dan Material***

Terdapat banyak nas al-Quran yang menjelaskan berkenaan kepentingan keseimbangan aspek spiritual dan material. Antaranya telah dijelaskan dalam perbincangan berkenaan konsep spiritual dan material seperti di atas. Dalam bahagian ini, dikemukakan nas-nas al-Quran berkenaan yang secara khusus membicarakan kisah-kisah sejarah tamadun dan kerajaan silam. Antara nas tersebut ialah firman Allah yang bermaksud:

*“Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwā, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatan mereka”*

(al-Qurān; al-A'rāf: 96)

Perkataan *Al-Qura* diterjemahkan sebagai ‘penduduk negeri’ dalam ayat di atas. Menurut pengarang Tafsir al-Manar (Muhammad Rashid, 1947), ia bermaksud ibu negeri atau kota yang dihuni oleh kebanyakan pembesar sesuatu tempat. Ia merupakan pusat tamadun pada zaman tersebut, iaitu pusat yang terserlah dengan kehebatan pembangunan dan pencapaian aspek kebendaan (material). Di pusat-pusat tamadun inilah diutuskan para rasul seperti mana disebutkan al-Quran dengan membawa risalah dakwah (Muhammad Haisyur, 1997).

Secara umum, nas di atas juga menjelaskan bahawa iman (elemen spiritual) menjemput keberkatan yang dibukakan Allah dari langit dan bumi dalam bentuk rezeki dan sebagainya yang membawa kepada kesejahteraan dan keharmonian. Nas yang sama juga menjelaskan bahawa mana-mana manusia termasuk mereka yang pernah diberikan keberkatan tetapi kemudian melakukan pendustaan (membelakangkan hukum dan ketentuan Allah) akan berhadapan dengan kehancuran.

Al-Qurān juga banyak menyentuh berkenaan kehebatan pencapaian aspek kebendaan (material) yang pernah dikecapi oleh umat-umat terdahulu menerusi kisah-kisah berkaitan tamadun silam. Antaranya seperti kehebatan pencapaian aspek kebendaan tamadun ‘Ad (Sūrah al- Syū’arā’, ayat 123-140), Thamūd (Sūrah al-Syū’arā’, ayat 142-152), Firaun (Sūrah al-Dukhān, ayat, 26-29) dan sebagainya. Kisah-kisah tersebut turut disertakan penjelasan berkenaan peranan para rasul yang memimpin ke arah pembangunan yang seimbang merangkumi aspek spiritual dan material. Al-Qurān juga menegaskan bahawa tamadun yang sebenar bukanlah tamadun yang sekadar menekankan aspek kebendaan semata-mata seperti mana dijelaskan Allah menerusi firman-Nya yang bermaksud:

*“Maka apakah mereka tiada mengadakan perjalanan di muka bumi lalu memperhatikan betapa kesudahan orang-orang yang sebelum mereka? Adalah orang-orang yang sebelum mereka itu lebih hebat kekuatannya dan (lebih banyak) bekas-bekas mereka di muka bumi, maka apa-apa yang mereka usahakan itu tidak dapat menolong mereka”*

(al-Qurān; Ghāfir: 82)

Menurut Sayyid Qutb (1992), ayat ini menjelaskan bahawa pengalaman sejarah menunjukkan bahawa faktor-faktor kebendaan secara adatnya merupakan perkara yang membawa manusia tertipu dan terpedaya dengan kebatilan dan menjadi sebab kecelakaan kepada banyak umat pada zaman silam. Disebabkan itu, al-Qurān berulang kali mengemukakan kisah pertembungan antara golongan yang tenggelam dalam dunia kebendaan (material) dengan para rasul yang datang membawakan cara hidup seimbang antara tuntutan spiritual dan material. Antaranya dikemukakan kisah pertembungan antara para rasul dengan golongan *al-mala’* iaitu para penasihat yang berada di sekeliling pemerintah atau raja dan golongan *mutrafiun* (*pembesar yang hidup dalam kemewahan dan melampaui batasan*) (Ali Muhammad al-Sallabi, 1998).

Selain itu, al-Quran juga menunjukkan bahawa kaum-kaum yang pernah berkuasa di dunia dengan penuh kezaliman dan kemudiannya hancur merupakan kaum yang pada asalnya tidak asing daripada aspek keimanan atau spiritual itu sendiri. Di sini dikemukakan tiga kisah umat terdahulu yang disebutkan al-Quran iaitu Firaun, kaum Ad dan Qarun. Pertamanya, kisah Firaun, pemerintah kerajaan Mesir silam yang masih boleh dilihat tinggalan pencapaian aspek kebendaan mereka sehingga hari ini. Ibnu Kathir (1991) dalam tafsirannya terhadap ayat 30-34 Surah Ghafir, menjelaskan bahawa Firaun pada zaman Nabi Musa yang terkenal dengan kezalimannya ialah seorang pemerintah yang tidak asing dengan ajaran agama yang benar. Walaupun begitu, beliau bersikap menjauhinya dan melakukan banyak perkara yang bercanggahan dengan tuntutan agama. Ia menunjukkan bahawa tindakan menjauhi aspek spiritual dan terlalu terpaut dengan aspek material menyebabkan lahirnya tindakan-tindakan yang lari daripada norma-norma kemanusiaan sehingga membawa kehancuran tamadun itu sendiri.

Perkara sama ditemui menerusi kisah Kaum Ad yang disebutkan al-Quran. Mereka digambarkan di dalam al-Quran sebagai kaum yang sangat hebat dari sudut pencapaian material menerusi pembinaan kota canggih dan memiliki tentera hebat. Ibnu Kathir (1991) dalam tafsirannya berkenaan ayat 69, surah al-A'raf menyatakan bahawa kaum Ad asalnya ialah keturunan daripada orang beriman menerusi zuriat Nabi Nuh (keturunan Sam bin Nuh) yang pernah menyaksikan kehancuran kerajaan kaum Nabi Nuh dalam peristiwa banjir besar. Al-Quran mengisahkan bahawa kaum Ad ini begitu sibuk dengan pembangunan aspek material dan meninggalkan aspek spiritual sejauf-jauhnya. Mereka mengulangi semula kesilapan nenek moyang mereka dengan turut membiarkan diri dikuasai aspek kebendaan dan meninggalkan aspek spiritual. Kerajaan ini akhirnya hancur selepas aspek spiritual ditolak sejauf-jauhnya walaupun Allah telah mengutuskan kepada mereka seorang rasul sebagai pemberi peringatan.

Pengajaran sama juga boleh diperoleh menerusi penelitian terhadap kisah Qarun dalam al-Quran. Disebutkan dalam satu riwayat dalam tafsir al-Tabari (t.th) dan Ibnu Kathir (1991) ketika membincangkan ayat 76, surah al-Qasas, Qarun mempunyai pertalian kekeluargaan dengan Nabi Musa. Beliau merupakan sepupu kepada Nabi Musa (anak kepada bapa saudara Nabi Musa) (كَانَ مِنْ قَوْمٍ مُّوسَى). Walaupun begitu, apabila meninggalkan aspek spiritual (keimanan), maka beliau telah bertindak melampaui batasan walaupun pada asalnya beliau seorang yang baik dan penghafaz keseluruhan kitab Taurat (Muhammad Ibn Allan, 1987). Beliau melampaui batasan disebabkan tertipu dengan kelebihan berbentuk kebendaan yang dimilikinya. Ada riwayat yang menyatakan beliau menjadi kaya dan hebat disebabkan kepakaran beliau dalam bidang ilmu kimia. Beliau juga dikatakan dapat memiliki kebanyakan daripada perbendaharaan kerajaan Mesir yang pernah diusahakan oleh Nabi Yusuf pada zaman terdahulu (al-Qurtubi, 1987).

### ***Keseimbangan Aspek Spiritual dan Material Berdasarkan Pengamatan Sejarah***

Perkara yang dinyatakan oleh nas-nas di atas adalah selari dengan hasil kajian beberapa orang tokoh dalam bidang sejarah dan tamadun manusia. Antaranya Arnold Toynbee, yang menyatakan bahawa penguasaan manusia terhadap aspek kebendaan dalam bentuk kehebatan pencapaian teknologi bukanlah petunjuk kepada ketinggian sesebuah masyarakat, sebaliknya ketinggian sebenar kepada sesebuah tamadun itu merujuk kepada ketinggian rohani. Manakala berkaitan kejatuhan tamadun pula, beliau berpandangan bahawa kejatuhan itu berlaku seiring dengan kerosakan dalam diri manusia yang kemudiannya terserlah dalam tingkah laku dan perlakuan mereka. Kerosakan ini seterusnya mengambil tempat segala sifat baik yang pernah menjadi faktor yang menggerakkan kebangkitan tamadun pada zaman sebelumnya. Pada peringkat kejatuhan ini, kejahatan telah menguasai segala perkara dalam kehidupan masyarakat bertamadun tersebut (Abd al-Ghanī Abūd, 1981).

Selain itu, Malek Bennabi juga mempunyai pandangan yang selari dengan apa yang dibincangkan ini. Dalam kupasan beliau berkenaan peringkat-peringkat dalam kebangkitan dan pembangunan sesebuah tamadun, beliau menyatakan bahawa ‘peringkat roh’ merupakan peringkat permulaan dalam pembangunan sesebuah tamadun. Antara ciri yang boleh dilihat pada peringkat ini adalah dengan terserlahnya pemikiran beragama dalam sesebuah masyarakat. Beliau menyatakan bahawa ini ialah peringkat manusia berada dalam keadaan terbaik dan sebagai zaman kegemilangan tamadun bagi mana-mana masyarakat. Pada ketika itu, umat menikmati kekuatan secara berjemaah yang bergerak. Peringkat kedua pula bermula dengan timbulnya beberapa petanda negatif dalam masyarakat dan lahir beberapa penyelewengan akidah. Pada peringkat ini, dapat dilihat kelahiran elemen-elemen negatif dalam masyarakat seperti kezaliman, wujud sifat individualistik dan sebagainya. Beliau mengemukakan contoh yang pernah dilalui oleh tamadun Islam yang menggambarkan peringkat ini iaitu zaman Abbāsiyyah. Pada zaman ini boleh dilihat berlaku beberapa siri pemberontakan di timur Farsi. Pada masa yang sama terzahir kelemahan, penyelewengan dalam pemerintahan. Peringkat ketiga pula digambarkan beliau sebagai peringkat perpecahan jiwa dan penguasaan nafsu syahwat. Ia merupakan peringkat kejatuhan dan kehancuran tamadun. Pada ketika itu, tiada faktor yang menjurus ke arah pembangunan tamadun. Apa yang berlaku ialah sikap individualistik sangat berleluasa dalam masyarakat. Ia boleh dilihat menerusi lahirnya salah satu ciri utama fasa ini iaitu, penguasaan keinginan individu dan bebasnya nafsu daripada penguasaan akhlak dan nilai serta terlerainya hubungan antara individu dan masyarakat (Muhammad Haishūr, 1997).

Malek Bennabi dalam tulisan-tulisannya melihat bahawa tiada suatu tamadun bangkit melainkan dengan fitrah beragama. Beliau berpegang bahawa akidah atau iman sebagai titik-tolak kepada akhlak dan tamadun sesebuah bangsa. Sebagai contoh, pandangan beliau berkenaan komunis yang walaupun menurut beliau hanya merupakan pemikiran Karl Marx tetapi akhirnya menjadi suatu pemikiran yang diimani. Ia seterusnya menggerakkan kepada gerakan yang kuat bertitik-tolak daripada keimanan tersebut


sehingga mendatangkan kesan yang sama seperti mana-mana pemikiran agama, politik atau ilmu yang boleh dilihat pada sepanjang zaman dalam pembinaan tamadun. Perkara yang sama menurut beliau berlaku terhadap golongan ateis yang beriman kepada pemikiran atau kekuatan tertentu yang bertitik-tolak daripada keingkanan mereka terhadap kewujudan Allah (Shaif Ukkāshah, 1986).

Semua penjelasan di atas menunjukkan berkenaan kepentingan keseimbangan antara aspek spiritual dan material dalam diri manusia. Perkara yang sama juga diperlukan kepada sesebuah masyarakat dan tamadun manusia yang dibangunkan oleh manusia itu sendiri. Keseimbangan ini dapat memberikan kesan terhadap pembangunan yang mampan dan harmoni sama ada dalam bentuk individu, masyarakat atau pun sesebuah tamadun itu sendiri. Ketidakseimbangan antara dua aspek ini pula memberikan kesan yang sebaliknya.

## DAPATAN

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, maka boleh disimpulkan bahawa al-Qurān telah menunjukkan kepentingan keseimbangan di antara pembangunan aspek spiritual dengan material. Kepentingan keseimbangan ini juga diakui menerusi hasil kajian oleh pengkaji-pengkaji yang meneliti perjalanan sejarah masyarakat dan tamadun seperti mana yang dipetik daripada pandangan-pandangan beberapa tokoh seperti di atas. Hasil kajian para pengkaji ini boleh dikatakan sebagai pengesah kepada penjelasan yang telah diutarakan oleh al-Quran itu sendiri. Malahan al-Quran sendiri turut mengemukakan penjelasan yang turut menyorot kisah-kisah sejarah yang boleh disahkan kebenarannya menerusi tinggalan-tinggalan dalam bentuk binaan dan monumen serta catatan-catatan sejarah yang ditulis oleh pelbagai tokoh daripada pelbagai zaman dan bangsa.

Selain itu, hasil kajian literatur di atas juga menunjukkan bahawa aspek spiritual boleh menjadi pemangkin yang ampuh kepada pembangunan dalam aspek material. Tetapi apabila aspek spiritual dipinggirkan, tidak semestinya aspek material terus lemah dan jatuh. Malahan pembangunan aspek material boleh terus berkembang tetapi ia menjadi suatu pembangunan dan perkembangan yang lemah dari sudut asas. Pada saat aspek material menjadi asas utama kepada segala ketentuan dalam pembangunan sesebuah tamadun, aspek spiritual pula ditolak sejauh-jauhnya. Maka, ini petanda kepada telah berlakunya kerosakan terhadap sesebuah tamadun. Sekiranya perkara ini berterusan tanpa diperbaiki, ia akan membawa kepada kejatuhan tamadun itu sendiri. Perkara ini digambarkan menerusi gambar rajah di bawah:



**Rajah 12.1:** Hasil analisis perbandingan kesan aspek spiritual dan material di sebalik kebangkitan dan kejatuhan tamadun menurut al-Quran dan sejarah

Dalam gambar rajah ini, ia menunjukkan bahawa sesebuah masyarakat atau tamadun itu bangkit bermula dengan tolakan aspek spiritual. Tolakan ini sangat berkesan dalam membawa kebangkitan dalam pencapaian aspek material. Dalam situasi ini, terserlah keperibadian yang hebat dalam kalangan ahli masyarakat yang terhasil daripada kesedaran spiritual dalam bentuk sifat-sifat positif seperti bekerjasama, kebersamaan, tolong menolong, ikhlas, tidak berkira dan sebagainya. Ia secara tidak langsung

meningkatkan aspek pencapaian material dengan lahirnya reka cipta, inovasi, pembangunan dan sebagainya. Akan tetapi, apabila sampai ke peringkat yang agak tinggi dalam pencapaian aspek kebendaan, manusia mula mengurangkan penghayatan terhadap aspek spiritual dengan mula lahir sifat-sifat negatif seperti dengki, khianat, individualistik, tamak dan sebagainya. Ia berlaku disebabkan terdorong oleh aspek kebendaan yang lebih mengujakan berbanding dorongan spiritual.

Pada tahap ini, pencapaian kebendaan masih lagi berkembang tetapi ia lebih bersandarkan kepada dorongan keinginan yang tinggi kepada aspek kebendaan itu sendiri. Akhirnya, apabila aspek kebendaan semakin dominan dan aspek spiritual semakin hilang, bermulalah saat kejatuhan seterusnya membawa kehancuran sesebuah masyarakat dan tamadun. Pada saat kejatuhan ini, generasi pada ketika itu telah hilang nilai-nilai spiritual mereka sehingga terserlah sifat-sifat yang negatif seperti pengecut, malas, tidak ada pemikiran untuk berinovasi dan sebagainya. Pembangunan kebendaan yang ada pada ketika itu tidak mampu menyelamatkan manusia yang telah semakin hilang sifat kemanusiaan mereka walaupun hidup dalam persekitaran yang hebat dari sudut kebendaan (material).

## **PERBINCANGAN**

Secara umumnya, tulisan ini menunjukkan bahawa al-Quran memandu manusia untuk menjalani kehidupan di dunia serta membangunkan tamadun mengikut cara yang sepatutnya. Malahan penjelasan al-Quran ini telah dibuktikan menerusi perkara yang telah dilalui oleh masyarakat manusia terdahulu menerusi bukti-bukti sejarah. Bukti-bukti sejarah ini merupakan medan uji kaji kepada panduan-panduan yang dikemukakan al-Quran untuk pembinaan tamadun yang sepatutnya. Seperkara yang menarik di sini ialah bukti-bukti sejarah yang dikaji oleh generasi selepas penurunan al-Quran juga selari dengan apa yang berlaku kepada generasi silam yang dirakamkan al-Quran.

Lebih jauh daripada itu, perbincangan ini membawa kita untuk lebih mengenali al-Quran sebagai sebuah kitab hidayah yang menyajikan peraturan dan nilai bagi menyusun kehidupan manusia dan pembangunan tamadun. Peraturan dan nilai ini bertitik-tolak daripada matlamat kejadian manusia itu sendiri iaitu pengabdian kepada Allah; dalam erti kata yang sebenar. Peristiwa-peristiwa sejarah yang terdapat dalam al-Qurān bertujuan menyampaikan manusia kepada petunjuk al-Qurān bagi menepati matlamat kejadian manusia ini. Matlamat yang sama juga dibawa al-Qurān menerusi keseluruhan kandungan al-Qurān (Ahmad Ilyas Hussein, t.th). Menerusi peraturan ini, al-Qurān mengemukakan pembangunan tamadun yang bersifat seimbang antara keperluan kebendaan (material) dengan *maknawī* (spiritual), seperti yang disebutkan Allah dalam firman-Nya:

*“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) dunia ni dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berbuat kerusakan”*

(al-Qurān; al-Qaṣaṣ: 77)

Ia menunjukkan bahawa al-Qurān meletakkan peranan yang sangat besar kepada manusia dalam pembangunan tamadun itu sendiri. Al-Qurān mengemukakan konsep pembangunan tamadun yang seimbang. Keseimbangan ini secara tidak langsung memandu manusia untuk memiliki nilai integriti dalam membangunkan tamadun, seterusnya secara tidak langsung menyumbang kepada pencapaian kualiti kehidupan atau tamadun yang baik. Perkara yang sama telah disentuh oleh ramai para sarjana, antaranya Taufiq Mūhammad Sab (1998) yang menyatakan bahawa al-Qurān mengemukakan manhāj pembangunan tamadun yang menjadikan manusia sebagai tuan kepada tamadun yang dibina dan bukan kebendaan yang menjadi tuan kepada manusia atau dalam lain perkataan manusia tidak menjadi hamba kepada benda.

## KESIMPULAN

Hasil tulisan ini mencadangkan bahawa keseimbangan antara pencapaian dalam aspek spiritual dan material ialah ramuan utama kepada pembangunan tamadun yang baik. Sebarang ketidakseimbangan antara kedua-dua aspek ini memberikan kesan yang sebaliknya terhadap sesebuah tamadun. Ia diharapkan dapat menjadi panduan kepada setiap pihak yang terlibat dalam pembangunan tamadun khususnya negara Malaysia yang menekankan aspek ‘Malaysia Madani’. Selain itu, tulisan ini juga menunjukkan bahawa al-Quran merupakan kitab yang memandu manusia dengan panduan yang sentiasa relevan sepanjang zaman. Ia boleh dilihat menerusi penjelasan al-Quran yang selari dengan bukti-bukti sejarah sebelum dan selepas al-Quran diturunkan.

## RUJUKAN

- Ahmad Ilyas Husein (t.th.), *Nahwu Maqhum Islāmī li ḥilmī al-Tārīkh*, Kuala Lumpur: Matba‘ah al-Jāmi‘ah al-Islāmiyah al-‘Alamiyah bi Mālizia.
- al-Qurṭubī, Abū Ḥabdullah Ibn Mūhammad Ahmad al-Anṣārī, (1987) *al-Jāmi‘ Li Ahkām al-Qurān*, Mesir: al-Hai’ah al-Maṣriyyah al-‘Ammah Li al-Kitāb.
- al-Ṭabarī, Ibn Ja‘far Muhammad Ibn Jarīr (t.th) *Tafsīr al-Ṭabarī: Jāmi‘ al-Bayān ‘An Ta’wīl Āyi al-Qurān*, Qāhirah: Dār al-Ma‘arif Bi Misr.
- Arnold J. Toynbee (1946), *A Study of History*, London: Oxford University Press.
- Bennabi, Malek (1979), *Syurut al-Nahdah: Musykilāt al-Hadārah*, ‘Umar Kāmil Masqawi & ‘Abd al-Ṣabur Shahin (Terj.). Lubnān: Dār al-Fikri.
- Bennabi, Malek (1974), *Mīlād al-Mujtama‘: Syabkah al-‘Alāqat al-Ijtīmā‘iyyah*, ‘Abd al-Ṣabur Shahin (Terj.), Lubnān: Dār al-Fikri.
- Bennabi, Malek (1979), *Ta’ammulāt*, Lubnān: Dār al-Fikri.
- ‘Abd al-Ghanī ‘Abd al-Khaliq, (1993), *Hujjiyah al-Sunnah*, c. 2, Mansūrah: Dār al-Wafa’.

- <sup>c</sup>Abd al-Ghanī <sup>c</sup>Abūd (1981) *al-Hadārah al-Islāmiyah wa al-Hadārah al-Mu<sup>c</sup>aṣīrah: Silsilah al-Islam Fī Tahaddiyat al-<sup>c</sup>Aṣri*, kitāb ke 12, c. 1, t.tpt.: Dār al-Fikri al-Arabī.
- <sup>c</sup>Abd al-Salām Bin Nasrullāh al-Sharīf (1994) *Sunnatullah Fī Iqāb al-Umam Fī al- Qurān al-Karīm*. Riyāḍ: Dār al-Ma<sup>c</sup>ārif.
- <sup>c</sup>Alī Mūhammad Mūhammad al-Ṣallābī (1998), *Fiqh al-Tamkīn* <sup>c</sup>Inda Daulah al-Murābitīn, ‘Ammān: Dār al-Bayariq Li al-Nashr.
- Ibn Taimiyyah (1994) *al-Siyasah al-Shariyyah Fi Islah al-Ra’iyah wa al-Ra’iyah*, Maktabah Dar al-Bayan: Damsyik.
- Ibnu Kathīr, al-Ḥāfiẓ <sup>c</sup>Imad al-Dīn Abī al-Fidā’ <sup>c</sup>Ismā‘il (1991), *Tafsīr al-Qurān al-<sup>c</sup>Ażīm*, c. 2, Beirut: Dār al-Khair.
- Muhamad Haishūr, (1997), *Sunan al-Qurān Fī Qiyam al-Hadhārat wa Suqutihā*, c. 1. Mansūrah: Dar al-Wafā’.
- Muhammad <sup>c</sup>Othman Najātī (1983), *Al-Qurān wa c Ilmu al-Nafs*, c. 5, Qāhirah: Dār al-Shuruq.
- Muhammad Ibn Allan al-Sodiqi al-Shafii al-Asy’ari al-Makki (1987) *Dalil al-Falihin Li Turuq Riyadh al-Solihin*, al-Qahirah: Dar al-Rayyan al-Turath.
- Muhammad Rashid Ridha (1947) *Tafsir al-Qurān al-Karīm* (*Tafsir al-Manār*), Mesir: Maktabah al-Qāhirah.
- Rojā <sup>c</sup>Abd al-Ḥamīd <sup>c</sup>Arabī (1994), *al-Kaun wa al-Ard wa al-Insān fī al-Qurān*, c. 1, Beirut: Dār al-Khair.
- Sayyid Qutb (1992), *Fī Zilal al-Qurān*, c. 17, Qāhirah: Dār al-Shuruq.
- Shaif <sup>c</sup>Ukkāshah (1986), *Al-Sira<sup>c</sup> al-Hadārī fī al-<sup>c</sup>Ālam al-Islāmī; Dirasah Tahliliyah fī Falsafah al-Hadārah* <sup>c</sup>Inda Malek Bennabi, c. 1, Damshik: Dār al-Fikri.
- Taufiq Muhammad Sab<sup>c</sup> (1998), *Qiyam Ḥadārīah fī al-Qurān al-Karīm- <sup>c</sup>Ālam Ṣana<sup>c</sup>ahu al-Qurān*, Qāhirah: Dār al-Manār.